



LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN (LZNK) KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA 2020

Sebut Harga adalah dipelawa secara terbuka kepada pembekal-pembekal tempatan (**keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat perniagaan/pendapatan dengan LZNK**) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (MDA) dan berkelayakan dan berpengalaman untuk menyertai Sebut Harga bagi pembekalan/perkhidmatan berikut:

Maklumat Sebut Harga

NO SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	PENDAFTAR AN KKM	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
LZNK/SH/13/2020	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Peralatan Untuk Pengurusan Wabak Covid-19 Di Hospital Sultanah Bahiyah Untuk Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman	Kod Bidang : 050101 atau 050102	RM50.00 (Tunai) Dokumen Meja Sebut Harga boleh dirujuk mulai 30 November 2020 (Isnin)	30 November 2020 (Isnin) 10.00 Pagi Secara atas talian (Online)	06 Disember 2020 (Ahad) 12.00 Tengah Hari

Tempat Serahan Dokumen Tawaran

Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman Aras Bawah, Menara Zakat, Jalan Telok Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman. No Tel: 04-7331740	Tarikh dan Masa Jualan
	30 November 2020 (Isnin) sebelum jam 12.00 Tengah hari

- i. Semua penyebutharga **DIWAJIBKAN** mengikuti siaran langsung sesi taklimat pada **30 November 2020 (Isnin)** melalui pautan di **PORTAL PEROLEHAN** pada jam **10.00 pagi**.
- ii. Semua penyebutharga **DIWAJIBKAN** mendaftar dengan **PORTAL PEROLEHAN LZNK** dengan melayari laman sesawang <http://perolehan.zakatkedah.com.my/>
- iii. Semua penyebutharga perlu **MENGESAHKAN KEHADIRAN** untuk mengikuti sesi taklimat secara atas talian di **PORTAL PEROLEHAN LZNK**.
- iv. Hanya **pembekal yang memiliki kod bidang** di dalam **KKM** dan **PORTAL PEROLEHAN LZNK** sahaja dibenarkan mengikuti taklimat secara atas talian ini.
- v. Bagi pembekal baharu, pembekal perlu **MENDAFTAR** sebagai pembekal di **PORTAL PEROLEHAN LZNK** terlebih dahulu sebelum sesi taklimat berlangsung. Sila dapatkan pengesahan setelah pendaftaran dilakukan.
- vi. Kegagalan untuk mendaftar sebelum mengikuti taklimat ini dalam masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan penyebutharga tidak dibenarkan untuk memasuki Sebut Harga ini dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- vii. Dokumen Sebut Harga akan dijual secara atas talian kepada penyebutharga yang mengikuti sesi taklimat sahaja serta mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.
- viii. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli secara atas talian di **PORTAL PEROLEHAN LZNK** dan bayaran bagi Dokumen Sebut Harga tidak akan dikembalikan.
- ix. Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman
- x. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah dilabelkan mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- xi. Pembekal yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut:
Bahagian Pembangunan Asnaf (Teknikal) : 04-7331740 ext. 177
Pegawai Perolehan (Dokumen) : 04-7331740 ext. 265 / 019-4941740